

6893

**Warisan: Jernal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 18 (1994)**

PERKAHWINAN "TANGKAP KHALWAT" DALAM "ADAT YANG TERADAT" DALAM ADAT PERPATIH

Oleh

A. RAHIM BIN HJ. ISMAIL
(RAHIMI NS)

Tangkap Basah, Tangkap Maksiat atau Tangkap Khalwat adalah satu istilah yang popular yang digunakan oleh media massa sekarang ini. Berita mengenainya sering dipaparkan di akhbar-akhbar atau majalah-majalah tempatan sebagai berita sensasi untuk menarik perhatian pembacanya. Mereka yang ditangkap melakukan perbuatan demikian akan didakwa di Mahkamah Syariah untuk diadili sesuai dengan perubahan masa. Kini pentadbiran Agama Islam di setiap negeri telah dikemaskinikan dan merekalah akan menjatuhkan hukum menurut ringan atau beratnya setiap kes yang thabit kesalahannya.

Apa jua agama tetap melarang keras atau menegah sama sekali tentang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Masyarakat memandang pergaulan bebas ini sebagai suatu perbuatan sumbang atau menjolok mata. Tetapi manusia ini sebegitu rupa dan lemah pula sifatnya, tidak terlepas dari melakukan perkara-perkara yang ditegah ini. Perkara yang dilarang ini seharusnya dibendung dari berleluasa kerana kibatnya akan menjadikan porak-peranda dari segi moral dan kehidupan yang tidak bermaruah.

Adat Perpatih yang unik itu telahpun dan masih lagi mengendalikan kes-kes 'tangkap basah' ini dengan caranya tersendiri. Ianya telah termaktub dalam salah satu jenis Adat Perpatih ini yang dinamakan ADAT YANG TERADAT. Adat yang teradat ini diberi pengertian: "adalah amalan-amalan yang terdapat dalam sesuatu kelompok masyarakat, yang lama kelamaannya menjadi lebih kuat kedudukannya lalu dianggap sebagai suatu adat. Adat ini merujuk kepada himpunan peraturan, nilai dan kepercayaan yang telah dicipta oleh manusia sejak manusia mewujudkan masyarakat. Himpunan nilai dan pengharapan yang terangkum dalam adat kategori ini membentuk piagam sosial bagi masyarakat penganut adat di Negeri Sembilan ini. Oleh sebab ianya adalah kebiasaan seseorang dalam kehidupan bermasyarakat maka ia boleh ditambah atau dikurangkan dan bahkan boleh ditinggalkan; malahan ianya sering ditukar ganti dan disesuaikan dengan gerak-kuasa peradaban manusia yang sentiasa melalui perubahan : "patah tumbuh hilang berganti".

Akibat geraklaku manusia yang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan ini, maka timbullah perbilangan :

*Habis sanding kerana selalu bergeser
Habis miang kerana terlalu digosok
Habis malu kerana telah dibiasakan
Habis malu kerana selalu digeletek*

Pergaulan bebas ini perlu dikawal supaya manusia tidak melanggar kesusilaan sopan santun kerana ianya mendatangkan malu yang amat sangat kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini kerana setiap manusia yang bermaruah harus menjaga tatasusila murni yang bakal dijadikan contoh untuk generasi yang akan datang.

Jenis-jenis Tangkap Basah yang tedapat di dalam Adat perpatih ini bolehlah dikategorikan kepada 4 jenis :

1. *Adat Sesalaban*
2. *Adat Merumah*
3. *Adat Mendapatkan*
4. *Adat Menyerah*

(Penumpuan khusus artikel ini ialah beberapa kejadian tangkap basah yang berlaku di Mukim Ulu Jempol, Daerah Kuala Pilah. Istilah tangkap basah ini seharusnya digunakan dengan skop yang liberal kerana ada jenis tangkap basah yang dirancang lebih awal.)

Pengamal Adat Perpatih menganggap kerja nikah kahwin adalah satu urusan bersama kaum keluarga. Ibu bapa pengantin (lelaki atau perempuan) sebagai tuan-rumah, merancang dan menyediakan, tarikh dan peralatan kenduri kahwin dan semua urusan yang lain akan diserahkan dan dikendalikan oleh buapak dan orang semenda di tempat semenda.

*Datang betempatan
Perahu bertambatan
Orang semenda bertempat semenda
Memanggil yang jauh, mengbimpun yang dekat
Cerdik bendakkan rundingan
Kaya bendakkan emasnya
Malim bendakkan doanya*

Dalam hal ini keadilan sosial dalam Adat Perpatih dilaksanakan secara luas. Ianya melihatkan sifat tolong menolong, kerjasama dan saling bantu membantu yang terlepas dari perhitungan laba dan rugi kerana masyarakatnya dihubungkan oleh tali kekeluargaan yang kuat dan kokoh, sentiasa menhayati budi luhur dan halus. Dari budi inilah lahirnya sifat murni yang berbagai bentuk dalam kehidupan sehari-hari.

1. Adat Sesalahan

Adalah sesalahan ini disifatkan sebagai : Ayam hitam terbang malam. Perkara ini dilakukan oleh lelaki dan perempuan di luar rumah.

*Bukan Kelakuan
Salah Perjalanan
Salah Perbuatan
Salah Kedudukan
Salah Percakapan
Salah Pemandangan
Salah Keadaan*

Dalam hal-hal dan keadaan di atas, kalau thabit kesalahan mereka yang melakukan, selalunya satu perundingan khusus yang dibuat dan selepas itu aturcara biasa seperti pertunangan dan majlis perkahwinan akan diadakan.

Untuk mengaitkan kesalahan dalam salah satu Adat Sesalahan ini, diambil contoh Salah Kedudukan. Seorang perempuan dan seorang lelaki didapati duduk berdua-duaan di suatu tempat yang sunyi atau tempat yang terang sekalipun, pada hal mereka ini belum lagi berkahwin. Hal mereka ini kalau terserempak atau terjumpa oleh bapa saudara atau jiran boleh melaporkannya kepada kedua ibubapa mereka yang berkenaan.

Hal ini dipanjangkan dan kemudian dibuat rundingan untuk kata sepakat bagi menyelesaikannya. Seterusnya jalan yang selamat iaitu mengikut jalan yang biasa akan dilakukan seperti bertunang dan kemudian dikahwinkan, untuk mengisi kehendak hati pasangan yang terlibat tadi. Begitu juga degan kesalahan-kesalahan (ada berbagai bentuk lain 'kelakuan salah') yang lain, akan diikuti prosidur yang sama.

2. Adat Merumah

Adat merumah ini terjadi apabila pihak lelaki (mungkin dengan kawan-kawannya) pergi ke rumah perempuan (yang amat dihajunya untuk dijadikan

isteri, tetapi telah mendapat halangan dari pihak keluarga perempuan atau si perempuan sendiri yang tidak suka akan lelaki itu) dan terus naik ke rumah di serambi tanpa diundang. Sikap lelaki ini betul 'gentlemen'. Satu hal dalam Adat Merumah ini di lelaki tidak boleh masuk ke dalam rumah, kalau juga dia masuk hal ini akan dianggap pula sebagai perlakuan jenayah.

Satu lagi jenis Adat Merumah ini, Lelaki terus masuk ke bilik tidur perempuan. Lelaki ini rasanya datang bersendirian dengan membawa keris dan kain sarung atau selendang. Dalam hal ini, si perempuanlah yang menyuruh si lelaki datang. Ini kerana hajat mereka hendak mendirikan rumah-tangga mendapat halangan dari pihak perempuan. Perkara ini juga akan menanggung risiko jika pada saat terakhir si perempuan menolak ajakan si lelaki yang masuk ke biliknya. Perkara ini akan juga dianggap sebagai satu jenayah. Bila si lelaki masuk ke dalam bilik dia akan terus menyarungkan kain sarungnya kepada perempuan itu tadi dan mereka akan bersama di dalam karung yang sehelai itu, sehingga ibubapa atau keluarga tersedar akan apa yang berlaku. (perlu diingat iaitu kedatangan si lelaki tadi mestilah senyap dan berhati-hati bila masuk ke bilik si perempuan. Selalunya si perempuan telah siap bersedia dengan membuka tingkap atau pintu).

Dalam kes Adat Merumah ini si lelaki adalah dianggap manusia yang amat berani kerana dia terpaksa menyediakan apa pembayaran yang bakal dikenakan kepadanya nanti semasa perundingan Timbang Salah.

Dalam kes ini si lelaki yang mempunyai 'sifat gentlemen' itu, bak kata perbilangan:

Hati berani

Pisau tajam

Mulut baca (baca)

Emas banyak

kain rabak tegal dek lenggang

Baju rabik tegal dek lenggok

Kopiah pesuk tegal dek lonjak

Apabila kes ini diketengahkan kepada Buapak dan Orang Semenda kepada kedua belah pihak, mereka akan mengadakan istiadat Timbang Salah. Bagi pihak perempuan sebolehnya akan semaksimum yang boleh. Si lelaki akan dikenakan 'denda adat' mengikut keadaan yang timbul dan berlaku dalam Adat Merumah tadi. Dalam hal ini perbilangan mengatakan:

Adat orang merumah

Boleh diterima

Boleh ditolak

Bila muafakat telah diadakan dalam adat Timbang Salah ini pihak lelaki akan dikenakan 'denda adat'. denda adat ini mesti dijelaskan sebelum meninggalkan rumah. Perkahwinan secara biasa boleh diadakan selepas ini atau dibatalkan sama sekali, tetapi denda adat mesti dibayar dahulu sebagai tanda bersalah.

3. Adat Mendapatkan

Adat Mendapatkan adalah disifatkan sebagai: Adat terbalik seperti kata perbilangan:

*Perigi mencari timba
Antan mencari lesung*

Dalam Adat Mendapatkan ini si perempuan pula akan pergi ke rumah si lelaki untuk mendapatkan 'buah hatinya'. Ini mungkin disebabkan kerana si lelaki cuba mencari helah atau telah terjumpa perempuan lain. Maka dengan menebal muka si perempuan akan datang ke rumah lelaki itu untuk mencari kata putus tentang kedudukan 'cinta mereka'.

Prosedur Adat Mendapatkan ini sama juga bentuknya di dalam perundingan bagi kedua belah pihak. Dalam kes ini si perempuan tidak dikenakan apa-apa 'denda adat' kerana adat di sini sudah menjadi 'Adat Terbalik'.

4. Adat Menyerah

Adat Menyerah ini agak istimewa sedikit bentuknya. ianya dikhaskan kepada orang-orang besar adat sahaja seperti Dato' Lembaga, Buapak dan Orang Besar. Adat menyerah ini hanya untuk dilakukan oleh pihak lelaki iaitu orang-orang yang bergelar dan orang-orang bernama sahaja aitu pemimpin-pemimpin atau ketua adat.

Perbuatan Adat Menyerah kerana mahu menjaga maruah, pihak si lelaki memberitahu dahulu pada pihak perempuan; hari dan tarikh untuk dijalankan Adat Menyerah ini. Bila sampai di rumah perempuan si lelaki hanya dibenarkan duduk di serambi rumah sahaja dan sama-sama mendengar rundingan kedua belah pihak yang dijemput dan yang datang. Kerana yang datang menyerah itu orang yang bergelar bernama maka mereka terpaksa membayar denda adat mengikut kedudukan mereka selain bayaran nikah kahwin yang lainnya. Biasanya Dato' Lembaga kena bayar 'adat sendiri' = anak dara RM 80.00 dan janda RM 60.00 disamping bayaran khas sebanyak RM 24.00; manakala Buapak dan orang Besar pula, bayaran khas RM 14.00 dan = anak dara RM 60.00 dan janda RM 40.00. Bila selesai perundingan barulah dipakai adat istiadat yang biasa pada masa ini.

Di atas tadi telah saya nyatakan 4 jenis 'tangkap basah' yang terdapat dalam Adat Perpatih ini. Saya gunakan istilah 'tangkap basah' ini dalam konteks peristilahan yang agak longgar maksudnya. Tapi satu hal yang pasti ianya tetap menjurus melaksanakan kehendak pasangan yang ingin berkahwin walaupun ianya dianggap sedikit 'abnormal' dari keadaan yang biasa dilakukan seperti merisik, bertunang dan perkahwinan.

Keadilan sosial dalam Adat Perpatih dilaksanakan secara meluas. Ianya melahirkan sifat tolong menolong, saling bantu membantu yang terlepas dari perhitungan laba dan rugi kerana masyarakatnya dihubungkan oleh tali kekeluargaan yang kuat dan kokoh, yang sentiasa menghayati budi luhur yang seni dan halus. Dari budi inilah lahirnya sifat baik yang berbagai bentuk dalam kehidupan sehari-hari. Budi pekerti yang seni dan halus, tinggi dan harmoni mendapat tempat utama dalam ciri-ciri Adat Perpatih. Kes 'tangkap basah' di atas (ataupun dianggap satu kelakuan yang kurang sopan), mereka tetap cari jalan penyelesaiannya yang ideal dan sama bertanggungjawab.

Mereka yang terbabit akan cuba menangani masalah yang ada di hadapan mereka

*Mencari kata muafakat
Menambah mana yang kurang
Menampal mana yang koyak
Menyambung mana yang senteng
Menjinak mana yang liar
Merapatkan mana yang renggang
Menyisip mana yang kurang
Melantai mana yang lapuk
Membaharui mana yang usang
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
Yang lemah sama disokong, yang condong sama disekat*

Aspek yang terpenting dalam menyelesaikan masalah yang timbul dalam apa jua bentuk yang berlaku di dalam Adat perpatih ialah penekanan tentang rukun masyarakatnya yang bersefahaman dengan mengutarakan buah fikiran yang bernas. Maka dengan itu pemilihan-pemilihan unsur dan dasar yang terdapat dalam adat ini disesuaikan dengan wajar untuk dijadikan panduan atau pedoman untuk kebaikan bersama; bak kata peribahasa 'cubit peka kiri, peha kananpun sakit jua'. perbilangan adat ada mengatakan

Menyuruh berbuat baik
Melarang berbuat mungkar,

*Mengbela kerja dengan usaba
Mengbela perang dengan berani,
Menunjuk dan mengajar
Menegur dan menyapa,
Kalau terdorong disurutkan
Kalau terlompat disentak
Kalau silap membetulkan
Membetulkan lalu kepada kebenaran.*

Pihak-pihak yang terlibat, ketika mengadakan perundingan dari hati ke hati akan dapat mencari kata pemutus (menjatuhkan hukum) secara bersama walaupun yang melakukan kesalahan itu hanya seorang :

*Seekor kerbau berkubang, sekandang kena lumpurnya;
Seekor makan cempedak, semua kena getahnya.*

Jelas dan nyata yang melakukan kesalahan itu hanya seorang tetapi untuk menyelesaikannya dibuat secara kolektif. Selalunya mereka yang berperanan atau mengambil bahagian perbincangan dalam kes 'tangkap basah' ini ialah Buapak-Buapak dan Orang-Orang Tempat Semenda dari kedua-dua belah pihak. kalau kes ini dianggap berat baharulah Dato' Lembaga diajak berunding, untuk menimbang salah.

*Jika khabar baik diberitahu
Kalau khabar buruk serentak didatangi,
Jika jauh temu menemui
Sama sakit sama senang;
Ke bukit sama didaki
Ke lurah sama dituruni,
Sama langkah sama menghayun
Laba sama dikutip, rugi sama ditatang.*

Selalunya pihak yang merasakan dirinya bersalah, akan menyatakan hal kedatangannya dengan 'rasa rendah diri' tetapi mereka tetap tidak akan berganjak kepada keadilan dan kebenaran :

*Tidak ada kusut yang tidak selesai
Tidak ada keruh yang tidak jernih,
Duduk bersama bersempit- sempit
Duduk seorang berlapang-lapang,
Kusut benang cari hujung dan pangkal
Kusut bulu paroh menyelesaikan*

*Kusut rambut ambil sisir dan minyak
Kusut sarang tempua api menyelesaikan*

*Salah ambil mengambilkan
Salah makan dihuakkan,
Salah manusia minta maaf
Salah pada Tuhan terus taubat,
Sesat surut berlangkah kembali
Tapi,
Kalau melebihi jangan terlalu
Kalau mengurangi pun demikian jua*

*Jalan lurus akan ditempuh
Aturan yang baik akan dipakai
Amanah sama dipegang
Ikrar sama dimuliakan,
Amanat kalau tidak dipegang
Buatan tidak disetiai*

Pihak-pihak yang mengadakan perbincangan dalam perundingan ini mesti dan seharusnya menghormati kata sepakat yang telah dipersetujui :

*Penghulu beraja kepada muafakat
Muafakat beraja kepada yang benar,
Benar berdiri dengan sendiri
Yang dinamakan alur dan patut.*

*Tumbuh disilang dengan sengketa
Atau dakuwa dengan jawab,
Hukum membukium dalam adat
Membukium adil dengan benar
Tidak boleh berpihak-pihak.*

Setelah hukum dijatuhkan, pihak yang kena hukum mestilah menunaikan hukuman itu. Banyak atau sedikit, berat atau ringannya sesuatu hukum itu tertakluk kepada keputusan bersama kedua belah pihak yang telah membuat keputusan tadi.

Itulah idealnya Adat Perpatih ini, pengamalannya di bawah satu bumbung pentadbiran dapat mengendalikan apa jua hal yang berkaitan dengan kehidupan yang dilalui hari-hari. Maka tidak hairanlah pengamal adat ini berjaya menyelesaikan masalah yang terjadi. Ianya tetap unggul kerana :

*Adat bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah
Adat tak menghalang
Syarat tak menghamat*

RUJUKAN & BIBLIOGRAFI

1. *Jurnal-jurnal Warisan - Terbitan PSM - Cawangan NS*
2. *Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan - Julai dan Ogos 1988 yang diadakan di Seremban.*
3. *Tambo Alam Minangkabau oleh Datuk Batuab Sango - Terbitan Limbago Payakumbuh 1959*
4. *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat melayu - Mohd Din bin Ali, Pustaka Anta K.Lumpur, 1957*
5. *Haji Duaji bin Bakar (Dato' Komo - Datuk Lembaga Suku Aceh. dalam Luak Jempol.*
6. *Dari pengalaman penulis sendiri (yang telah mengbadiri istiadat 'Mengaku Salah' bagi orang yang sesalaban. Cara kebehulan yang terlibat adalah kawan penulis. Dan kini keluarga itu hidup aman bahagia di Kuala Lumpur.*
7. *Hj. Mohd. Nor bin Abd. Rhaman - Kg. Lonek yang terlibat dalam "Adat Merumab".*